



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
(MINISTRY OF AGRICULTURE AND AGRO-BASED INDUSTRY MALAYSIA)
WISMA TANI
NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62624 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8870 1431 Telefax : 03-8888 6906 E-mail : pro@moa.gov.my Homepage : <http://www.moa.gov.my>

SIARAN MEDIA

1. Penyakit African Swine Fever (ASF) berpunca daripada virus famili Asfaviridae, merupakan penyakit demam berdarah akut yang menyerang ternakan babi dan babi liar. ASF adalah penyakit yang boleh menyebabkan 100% kematian dalam tempoh 2-10 hari pada babi yang dijangkiti. Namun demikian, penyakit ASF tidak bersifat zoonotik, iaitu tidak menjangkiti manusia.
2. Kemasukan penyakit ASF ke Malaysia akan memberikan kesan negatif terhadap industri babi negara yang menyumbang 13 % daripada keseluruhan nilai industri ternakan di Malaysia dengan nilai pelaburan berjumlah RM5 billion.
3. Wabak ASF telah disahkan melanda 10 negara Asia iaitu China, Mongolia, Vietnam, Kemboja, Korea Utara, Laos, Myanmar, Filipina, Korea Selatan dan Timor Leste.
4. Negara-negara yang masih bebas ASF seperti Thailand, Indonesia, Singapura dan Australia telah mengambil langkah-langkah kawalan di pintu masuk negara untuk mengawal kemasukan produk-produk berasaskan babi dari negara-negara yang terjangkit.
5. Sebagai langkah pencegahan kemasukan virus ASF kedalam negara, DVS telah mengeluarkan surat larangan pengimportan babi serta produk babi dari Negara China (12 November 2018), Poland dan Belgium (17 Januari 2019), Thailand dan Vietnam (23 Januari 2019), Cambodia (4 April 2019), Hong Kong (14 Mei 2019), Myanmar dan Laos (26 Ogos 2019).
6. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) telah melaksanakan

pelbagai usaha dan merangka pelan untuk membendung penularan penyakit African Swine Fever (ASF) dari memasuki negara ini seperti berikut:

i. mengadakan mesyuarat penyelarasan dan kerjasama strategik dengan Kementerian dan agensi yang berkepentingan seperti Kementerian Pengangkutan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, dan Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi memperkemaskan aspek kawalan bersepadu di semua pintu masuk negara dan meningkatkan tahap kesiapsiagaan menghadapi wabak;

ii. menjalankan pemeriksaan di pintu-pintu masuk utama negara yang melibatkan aktiviti pemeriksaan ke atas kemasukan yang tidak sah produk dan daging babi dari negara-negara berisiko;

iii. menjalankan pengawasan klinikal di ladang-ladang babi komersial di lapan (8) buah negeri di Semenanjung Malaysia termasuk sampel daripada babi hutan di tujuh (7) negeri di Semenanjung Malaysia;

iv. mengadakan latihan simulasi wabak ASF untuk menguji kesiapsiagaan setiap agensi yang terlibat jika wabak ASF dikesan di negara ini serta menguji pelan kontingensi ASF yang telah dibangunkan;

v. membuat inflight announcement bagi memastikan penumpang tidak membawa masuk produk berasaskan babi secara hand carry. Pemeriksaan ketat bagasi dan hand carry oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan MAQIS bagi penumpang dari China, Hong Kong, Macau, Mongolia, Vietnam, Cambodia dan Laos;

vi. mengadakan sesi libat urus dengan operator pengurusan sisa di pelabuhan-pelabuhan seluruh negara bagi memberikan taklimat tatacara pelupusan sisa berasaskan haiwan daripada kapal dagang; dan

vii. melaksanakan kempen kesedaran awam kepada penternak babi mengenai penyakit ASF dan meningkatkan kawalan biosekuriti ladang

di semua negeri.

7. Pada 27 Oktober 2019, Sarawak telah mengeluarkan larangan pengimportan produk berasaskan babi ke atas negara-negara yang dijangkiti ASF termasuk China. Larangan ini dikeluarkan berikutan pengesanan DNA virus ASF dalam produk 'canned luncheon pork' yang diimport dari China yang disahkan oleh Makmal Ksesihatan Awam Veterinar, Bandar Baru Salak Tinggi pada 25 Oktober 2019.

8. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memandang serius penemuan tersebut.

9. Babi, anak babi(suckling pig) dan produk babi telah tidak dibenarkan daripada negara-negara yang terjangkit dengan penyakit ASF.

10. Walau bagaimanapun mungkin ada produk babi dan 'suckling pig' yang diseludup dan dijual dipasaran atau ke restoran.

11. Kementerian ingin ingatkan kepada awam supaya tidak membeli produk babi yang berasal daripada negara-negara yang tidak dibenarkan.

12. Tindakan undang-undang akan diambil ke atas pihak-pihak yang membawa masuk babi dan produk babi secara tidak sah atau diseludup.

13. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan selaraskan dengan pelbagai agensi di dalam Kemeterian dan dengan Kementerian lain untuk melakukan pemeriksaan ke atas premis-premis yang disyaki mebawa masuk babi, produk babi atau daging babi secara tidak sah MULAI MINGGU INI. Langkah ini terpaksa dilakukan susulan pengesanan DNA virus ASF dalam produk 'canned luncheon pork' yang diimport dari China di Sarawak. Kementerian memohon persefahaman (understanding) daripada para pengusaha.

14. Adalah menjadi kewajipan mana – mana pemilik ternakan babi di bawah Seksyen 31, Akta Binatang 1953 (Akta 647), untuk melaporkan

segera babi yang disyaki berpenyakit atau mati kepada Pihak Berkuasa Veterinar serta tidak memindahkannya tanpa kebenaran. Kegagalan melaporkannya boleh didenda tidak melebihi RM 25,000.

15. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ingin menegaskan bahawa sehingga kini Malaysia masih bebas ASF.

YB Sim Tze Tzin

Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani

28hb Oktober 2019